

Hasan Ali mengadap Sultan S'gor
Malaysiakini.com
Sep 5, 2009
Jimadie Shah Othman

Exco Hal Ehwal Agama Selangor, Datuk Dr Hassan Ali hari ini mengadap Sultan Selangor, Sultan Sharifuddin Idris Shah berhubung isu larangan penjualan arak dan pemberian kuasa kepada penjawat masjid bagi menangkan pesalah syariah di negeri itu.

Menurut Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, dalam pertemuan empat mata itu, Dr Hassan memberi taklimat langsung kepada baginda berhubung isu kontroversi itu dan pentadbiran agama Islam di negeri itu.

"Beliau hendak mengadap Sultan untuk menerangkan (apa) yang telah beliau usahakan. Bukan sahaja dari segi penganutan agama Islam. (Kehadiran) beliau juga (sebagai) exco dalam bahagian pembangunan masyarakat Melayu.

"Oleh sebab itulah, beliau ingin mengadap Sultan untuk menyatakan usaha yang beliau lakukan. Walaupun, akhir-akhir ini terdapat beberapa kenyataan mengenai isu penjualan bir, mengenai isu kuasa jawatankuasa masjid, itu pun mungkin akan dibangkitkan oleh Datuk Hassan dalam perjumpaan mengadap tuanku," kata Abdul Khalid.

Menteri besar mengulas pertemuan Dr Hassan dengan Sultan dalam sidang media di kediaman rasminya di Shah Alam tengah hari tadi selepas menghadiri dialog dengan penduduk Seksyen 23 bagi membincangkan cadangan pemindahan sebuah kuil Hindu.

Abdul Khalid berkata, beliau menyokong penuh usaha Dr Hassan setelah dimaklumkan sendiri kepada Sultan Selangor.

"Tuanku memberitahu saya tentang perjumpaan tersebut. Saya memang menyokong usaha tersebut, supaya ada terdapat maklumat terus diberikan (kepada baginda)," katanya.

Selain dua isu tersebut, Dr Hassan akan turut memberikan taklimat berhubung isu pembangunan Islam negeri - termasuk peranan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Ditanya kenapa Dr Hassan membisu dalam isu pemindahan kuil Hindu dari Seksyen 19 ke Seksyen 23 Shah Alam - yang dibantah keras penduduk setempat - Abdul Khalid berkata, exco berkenaan tidak terlibat dalam perbincangan perkara itu.

"Yang dijalankan ini adalah di untuk Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). MBSA kita dah ada wakil. Yang sebenarnya, kalau ini selesai di peringkat MBSA, selesailah. Itu sebab (exco negeri daripada PKR) Yaakub Sapari pun tidak campur.

"(ADUN Batu Tiga) Rodziah Ismail buat kenyataan sebab beliau dalam kumpulan yang berbincang. (Ahli parlimen Shah Alam), Khalid buat kenyataan sebab beliau berbincang. Saya buat kenyataan sebab dah sampai ke (peringkat) atas," tambahnya.

Sementara itu, Bernama melaporkan, usaha pihak pemberita yang menunggu di luar istana lebih tiga jam bagi mendapatkan komen Hasan bagaimanapun gagal apabila kenderaan beliau memecut laju meninggalkan kawasan istana kira-kira jam 2.25 petang.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor Datuk Mohamad Munir Bani ketika dihubungi mengesahkan mengenai pertemuan itu dan berkata pihak istana tidak bercadang untuk mengeluarkan sebarang kenyataan memandangkan pertemuan itu adalah pertemuan biasa bagi membincangkan tugas harian exco itu.

Mohamad Munir bagaimanapun enggan mengulas apabila ditanya sama ada isu cadangan pembinaan kuil di Seksyen 23 di sini turut dibincangkan dalam pertemuan tersebut.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/112202>